

Research Article

Pengurusan Alam Pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Nanga Temalat Sarawak

Nur Fatin Najwa Amran¹, Nurul Farzana Hashim¹, Mohd Khairul Nizam Jumadi¹,
Norzaimah Mohamad Jamil², Noraini Ibrahim², Cyrilyn Sagin², Mohd Razimi Husin³

¹ Fakulti Sains Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

² Pendidikan Moral, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

³ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Perak, Malaysia.

Article History

Received:

09.07.2022

Revised:

25.07.2022

Accepted:

01.08.2022

*Corresponding Author:

Mohd Razimi Husin

Email:

razimi@fpm.ups.edu.my

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](#)



Abstrak: Guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam pengurusan alam pembelajaran. Pengurusan alam pembelajaran perlu bagi merangsang minat belajar kanak-kanak. Pengurusan alam pembelajaran penting bagi memenuhi masa yang diperuntukkan untuk mengajar dan juga memastikan objektif pembelajaran dan pengajaran tercapai serta menarik perhatian pelajar terhadap sebuah pengajaran. Sekolah Kebangsaan Nanga Temalat di Sarawak menjadi pilihan untuk melaksanakan kajian tentang pengurusan alam pembelajaran yang mana seorang responden adalah seorang guru daripada Sekolah Kebangsaan Nanga Temalat. Pengurusan alam pembelajaran perlu dilakukan sebelum PDP, semasa PDP dan selepas PDP. Kajian ini mendapati bahawa pengurusan alam pembelajaran yang mantap dan efektif adalah merupakan kunci utama dalam keberhasilan suatu pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu menitikberatkan aspek pengurusan alam pembelajaran supaya minat setiap murid dapat dipupuk dengan lebih berkesan di samping dapat memastikan guru dapat menyampaikan maklumat kepada murid-murid dengan lebih lancar sekaligus guru juga dapat meningkatkan pencapaian setiap murid.

Kata Kunci: Pembelajaran, Pengurusan Alam Pembelajaran, SWOT.

Learning Environment Management at Nanga Temalat National School Sarawak

Abstract: Teachers are individuals who play an important role in the management of the learning environment. Management of the learning environment is necessary to stimulate children's interest in learning. The management of the learning environment is important to meet the time allotted for teaching and also to ensure that learning and teaching objectives are achieved and attract students' attention to a lesson. Nanga Temalat National School in Sarawak was chosen to carry out a study on the management of the learning environment where one respondent was a teacher from Nanga Temalat National School. Learning environment management needs to be done before PDP, during PDP and after PDP. This study found that the management of a robust and effective learning environment is the main key to the success of teaching and learning. Teachers need to focus on the management aspect of the learning environment so that each student's interest can be nurtured more effectively while also being able to ensure that the teacher can convey information to the students more smoothly and at the same time the teacher can also improve the achievement of each student.

Keywords: Learning, Learning Environment Management, SWOT.



1. Pengenalan

Pengurusan didefinisikan sebagai satu proses untuk mendapatkan penyertaan, kerjasama dari semua ahli dalam mencapai matlamat kumpulan manakala alam pembelajaran pula bermaksud keadaan atau suasana belajar yang dapat merangsang minat belajar pelajar dalam mencapai matlamat perubahan tingkah laku ke arah positif dan daripada tidak tahu kepada tahu. Menurut Aldrin [1], “pengurusan alam pembelajaran ini adalah perancangan suasana belajar yang dapat merangsang minat belajar kanak-kanak dalam mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan”.

Guru merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam pengurusan alam pembelajaran kerana selain mengajar, guru juga ialah seorang pengurus yang mengurus rutin bilik darjah, mengurus pelajar agar menjalankan tugas mereka mengikut jadual bertugas yang ditetapkan serta mengurus keadaan fizikal bilik darjah supaya sentiasa berada dalam keadaan yang kondusif [2] [3] [4]. Pengurusan alam pembelajaran penting bagi memenuhi masa yang diperuntukkan untuk mengajar dan juga memastikan objektif pembelajaran dan pengajaran tercapai serta menarik perhatian pelajar terhadap pengajaran tersebut.

2. Tinjauan Literatur

Pengajaran ialah proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, penilaian, dan memberikan maklum balas. Proses tersebut bertujuan menyebarkan atau menyampaikan ilmu pengetahuan, isi kandungan mata pelajaran, dan kemahiran kepada murid bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhlak mulia. Ia juga berkaitan dengan bagaimana seorang guru menyampaikan ilmu dengan menggunakan pendekatan atau kaedah yang sesuai. Proses pengajaran memerlukan perancangan yang sistematik bagi mencapai objektif yang ditetapkan dan keberkesanannya dinilai berdasarkan sejauh mana objektif pengajaran yang dilaksanakan.

Menurut Samsudin [5], pengurusan bermaksud satu proses untuk mendapatkan penyertaan, kerjasama dari semua ahli dalam mencapai matlamat kumpulan. Sememangnya, guru memainkan peranan yang penting di dalam bilik darjah selain mengajar iaitu sebagai pengurus, iaitu mengurus rutin bilik darjah, mengurus pelajar supaya menjalankan tugas mereka mengikut jadual bertugas, mengurus keadaan fizikal bilik darjah supaya menjadi lebih kondusif dan sebagainya. Umum mengetahui bahawa kecekapan seseorang guru dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pengurus dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Wall et. al [6], pengurusan alam pembelajaran penting bagi memenuhi masa yang diperuntukkan untuk mengajar, memastikan objektif pembelajaran dan pengajaran tercapai serta tidak membosankan kerana dapat menarik perhatian pelajar terhadap pengajaran tersebut. Oleh itu, setiap perancangan pengurusan alam pembelajaran meliputi aspek sebelum, semasa dan selepas pengajaran dan pembelajaran perlu berfungsi dan bergerak sepenuhnya untuk mencapai matlamat atau objektif sasaran.

3. Metodologi Kajian

Tempat yang menjadi pilihan untuk melaksanakan kajian tentang pengurusan alam pembelajaran ialah Sekolah Kebangsaan Nanga Temalat atau nama ringkasnya SK Nanga Temalat. Ia merupakan sebuah sekolah kebangsaan yang terletak di D/A Pejabat Pelajaran Daerah Song. Tapak awal untuk pembinaan sekolah ini telah diderma oleh Tuai Rumah Jampong Anak Laweng yang merupakan peneroka awal penempatan orang Iban di Nanga Temalat, Song. Sejak tahun 2014, sekolah ini telah dapat dihubungkan dengan jalan darat dari Pekan Song yang berjarak hanya 7 km. Sekolah ini terletak di laluan jalan yang menghubungkan bandar Sibu ke Pekan Song.

Responden terdiri daripada seorang guru daripada SK Nanga Temalat, bernama Puan Nancy Anak Ranga. Beliau dilahirkan pada tanggal 8 Mei 1994 dan berasal dari Song, Kapit Sarawak. Beliau merupakan seorang alumni di Institut Pendidikan Guru Rajang yang bertempat di Bintangor, Sarawak dan berkelulusan peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dalam Bahasa Iban. Beliau mula bertugas di SK Nanga Temalat pada tahun 2015 hingga kini.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan analisis data dan mempamerkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada temubual bersama responden dan pemerhatian di sebuah sekolah di daerah Song, Kapit Sarawak. Dapatan kajian ini juga membentangkan secara mudah dan jelas bagi memudahkan pemahaman serta penghuraian yang lebih terperinci. Kami juga menghuraikan analisis terhadap data dan maklumat yang diperoleh mengikut susunan objektif kajian sepertimana yang telah ditetapkan.

Berikut merupakan hasil dapatan kajian kami bagi menjawab soalan dan objektif kajian yang dikemukakan.

4.1. Sebelum PDP

Sebelum guru memasuki kelas untuk mengajar seorang guru perlulah melakukan penulisan yang lebih banyak sebagai persediaan mengajar. Guru juga perlulah menyediakan ilmu pengajaran dan isi pelajaran yang ingin diajar dengan lebih awal, guru juga perlu menyediakan bahan pengajaran kepada murid seperti nota ringkas atau soalan latihan, guru juga perlu memastikan peralatan pengajaran telah tersedia secukupnya sebelum memulakan kelas agar perkara ini tidak akan mengganggu semasa proses P&P berlangsung. Ruang pengajaran yang selesa dan selamat perlu disediakan sebelum memulakan kelas. Antara perkara yang perlu dititik beratkan sebelum masuk ke dalam kelas mestilah ilmu, peralatan, ruang dan persediaan untuk mengajar didalam kelas [7] [8] [9]. Sebelum guru masuk ke kelas mereka mestilah memastikan bahawa mereka mempunyai persediaan untuk mengawal pelajar didalam kelas. Seterusnya adalah buku rekod mengajar. Sebelum aktiviti didalam kelas dijalankan guru mestilah merekod di dalam buku rekod. Guru perlu bersedia mental dan fizikal sebelum memulakan proses pembelajaran. Hal ini kerana, pelbagai kemungkinan bakal terjadi sepanjang sesi pembelajaran di dalam bilik darjah yang akan mengganggu pengajaran guru. Maka, guru perlu mempersiapkan diri agar tugas mengajar dapat berjalan dengan lancar. Seterusnya, guru perlu menyediakan teknik-teknik pembelajaran yang efektif bagi memudahkan proses pengajaran itu berlangsung [10] [11]. Sebelum memulakan PDP, guru yang mengajar mata pelajaran akademik perlulah mempunyai buku rekod mengajar dan mereka diwajibkan mencatat semua aktiviti kerja mereka dalam buku rekod mengajar. Buku ini menghimpunkan pelan tindakan guru sebelum mengajar dan berdasarkan SPI Bil 3/1999. Buku rekod mengajar wajib mengandungi dua perkara penting:

1. Rancangan Pelajaran Tahunan
2. Rancangan Pelajaran Harian

Menurut Surat Pekeliling Ikhtisas [12] “Rancangan Pelajaran Harian merupakan terjemahan Rancangan Pelajaran Tahunan yang mengandungi sekurang-kurangnya maklumat seperti objektif, cara bagaimana hendak mencapai objektif dan kenyataan sejauh mana objektif itu tercapai” Dalam erti kata lain, Rancangan Pengajaran Harian merupakan rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang perlu disediakan oleh guru untuk beberapa waktu pelajaran dan juga merupakan pelan pengajaran yang tersusun dan terperinci yang mengandungi beberapa elemen yang perlu ditulis bagi bertujuan memudahkan guru mencapai objektif yang telah ditetapkan. Berikut adalah kepentingan-kepentingan Rancangan Pengajaran Harian:

1. Menentukan serta memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.
2. Meningkatkan keyakinan diri guru sebelum masuk mengajar.
3. Mengelak sebarang penyelewengan atau terkeluar daripada perkara yang hendak diajarkan.
4. Menentukan isi yang cukup untuk disampaikan dalam masa yang diperuntukkan.
5. Menentukan strategi atau aktiviti yang terbaik bagi menyampaikan isi pelajaran yang bersesuaian dengan murid demi membantu murid mengubah sikap, kebiasaan, kebolehan dan pengetahuan ke arah yang dikehendaki.
6. Menggunakan masa pengajaran secara optimum melalui strategi yang lebih tersusun dan bersistem.
7. Merancang penggunaan alat bantu mengajar yang sesuai.
8. Mengembangkan pengajaran secara lancar dan tersusun dan menghadkan skop yang akan diajar dalam sesuatu jangka waktu.
9. Membantu guru mengingat bahan dan pendekatan pengajaran yang perlu untuk menyampaikan sesuatu isi pelajaran.

Guru juga berperanan penting dalam menentukan alat-alat bantu pengajaran dan pembelajaran [13] [14]. Ini adalah kerana alat-alat itu merupakan media yang mampu mewujudkan rangsangan dan yang kemudiannya akan bertindak memperkembangkan kecerdasan dan pengalaman. Oleh itu, guru-guru perlulah keupayaan untuk menyusun dan merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka dengan baik, terutamanya dari segi pemilihan, penyesuaian dan penggunaan bahan-bahan bantu pengajaran, kerana inilah di antara aspek yang memberi kesan terhadap prestasi para pelajar. Di

samping itu alat bantu mengajar (ABM) juga dapat memainkan peranan ke arah peneguhan dan pemahaman pelajar. Alat bantu mengajar (ABM) merupakan alat yang sangat berguna kepada guru semasa mengajar. Pembelajaran dengan menggunakan alat bantu mengajar (ABM) dapat memastikan pelajar mengikuti serta dapat memberikan pelajar kefahaman yang berkesan dan juga dapat menarik minat mereka terhadap mata pelajaran yang diajarkan. Secara dasarnya, alat bantu mengajar (ABM) adalah alat yang dapat membantu seseorang guru dalam proses pengajaran. Alatan mengajar ini tidak terhad kepada buku teks, papan tulis dan gambar-gambar sahaja tetapi juga merangkumi segala benda yang digunakan dalam pelajaran yang dapat dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dirasai, dihidu, digunakan dan sebagainya. Kesan yang baik dapat diperlihatkan jika guru dapat menguasai ABM adalah:

1. Pelajar akan dapat memahami sesuatu konsep, fakta atau idea dengan lebih jelas.
2. Pelajar dapat menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
3. Pelajar akan dapat terus mengikuti setiap perkembangan proses pengajaran yang dijalankan.
4. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat di pelbagaikan.
5. Pelajar menaruh keyakinan terhadap pengajaran guru.
6. Aktiviti pembelajaran akan lebih menarik.
7. Konsep, fakta dan idea yang diterima akan lebih kekal dalam ingatan.



Rajah 1. Proses Sebelum PDP

Selain itu, guru juga perlu meningkatkan kemahiran sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran kerana memantapkan lagi kemahiran pengajaran di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, bagi menyediakan guru-guru yang berkemahiran dalam menggunakan TMK, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab menyediakan kursus dan latihan Pembangunan Profesional Berterusan kepada guru-guru untuk meningkatkan dan mengemas kini pengetahuan profesional, daya saing dan keberkesanan guru-guru di sekolah [15].

Pengurusan bilik darjah merupakan satu langkah menyediakan kelas yang kondusif iaitu aktiviti yang dilaksanakan oleh guru bagi membentuk suasana yang berkesan dalam pengajaran. Pengurusan bilik darjah merupakan proses mengawal bilik darjah bagi memastikan pembelajaran tersebut sempurna. Ia juga merupakan satu tindakan yang perlu diambil oleh guru sebelum memulakan sesi PDP. Guru juga berperanan sebagai pengelola dimana guru menentukan kedudukan murid mengikut PAK-21. Contohnya konsep susunan meja berbentuk Campfire (ruang pembelajaran dari orang pakar dan bercerita), watering hole (ruang pembelajaran sesama rakan yang melibatkan kolaborasi dalam kumpulan kecil) dan cave (ruang pembelajaran individu untuk mereka yang belajar mendapatkan ilmu

secara sendirian). Selain itu, kebersihan dan ruang persekitaran sekolah yang selamat adalah akar umbi kepada minda kelas pertama dan menjadikan sekolah sebagai satu tempat yang ceria bagi suasana pembelajaran minda bermula dari persekitaran sekolah yang bersih dan selamat [16].

4.2. Semasa PDP

Perancangan pembelajaran yang rapi dan teratur dapat menjamin kualiti pembelajaran murid. Bilik darjah merupakan satu organisasi kecil di sekolah yang diketuai oleh ketua kelas dan dibimbing oleh seorang guru kelas. Bilik darjah adalah satu tempat penting untuk murid memperoleh ilmu yang bermanfaat. Oleh hal yang demikian, pengurusan bilik darjah yang teratur dengan kemudahan-kemudahan yang lengkap adalah sangat penting untuk meningkatkan keupayaan murid serta dapat menarik minat mereka untuk belajar. Guru hendaklah memiliki sifat serba boleh di mana mereka tidak hanya perlu pakar dalam mengajar murid-murid malah bijak dalam mengawal tingkah laku murid-murid di dalam bilik darjah.

Guru dapat mengaplikasikan set induksi dalam pengajaran. Set Induksi merupakan satu set pembelajaran untuk memulakan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan idea, teknik, aktiviti dan sumber yang menarik untuk menarik perhatian murid agar mereka lebih bersedia untuk belajar. Sebagai contohnya, guru mengajar dengan mengaitkan pelajaran lepas atau dengan pengetahuan sedia ada murid. Teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran ini dapat meningkatkan keyakinan murid dan pengetahuan murid serta secara tidak langsung interaksi dua hala antara guru dan murid dapat dibentuk. Teknik soal jawab, kejutan dan sebagainya adalah satu kreativiti guru untuk menjadikan bilik darjah lebih ceria agar murid-murid tidak berasa bosan dan mengantuk.

Seterusnya, penyampaian isi dan isi kandungan yang bersesuaian mengikut tahap dan pemikiran murid adalah sangat penting. Penyampaian isi pelajaran tidak hanya berfokus pada buku teks, modul dan buku kerja. Guru juga dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan menayangkan tayangan video tentang pelajaran yang diajar. Kaedah dan teknik penyampaian isi pelajaran adalah mengikut kreativiti seorang guru. Guru juga sewajarnya merancang aktiviti pengajaran yang bersesuaian mengikut masa yang ditetapkan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan hendaklah mengikut objektif pengajaran yang telah dicatatkan oleh guru.

Sebelum tamat sesi pengajaran dan pembelajaran guru hendaklah memilih penutup yang sesuai dengan proses pengajaran dan pembelajaran. Seorang guru hendaklah merumuskan dan membuat kesimpulan tentang pelajaran yang telah dipelajari dengan menumpukan kepada isi-isi kandungan yang penting. Aktiviti ini dapat meningkatkan kefahaman murid secara menyeluruh serta meningkatkan daya ingatan murid tentang pelajaran yang dipelajari. Seterusnya, guru digalakkan memberi pujian dan memberi kata-kata semangat kepada murid agar mereka rasa dihargai oleh guru. Guru hendaklah memberi tahu murid tentang aktiviti pembelajaran pada kelas yang akan datang agar mereka dapat membuat persediaan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran.

4.3. Selepas PDP

Proses penilaian dan pengukuran perlu dilaksanakan oleh guru untuk mengetahui keberkesanan pengajaran. Penilaian prestasi merupakan satu proses meliputi aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi, aktiviti, hasil dan impak pengajaran dan pembelajaran bagi membuat analisis untuk memastikan pelajar telah menguasai kemahiran yang disampaikan oleh guru. Guru juga dapat merancang aktiviti selanjutnya dengan cara yang lebih berkesan dan mengambil tindakan susulan.

Keberkesanan sesuatu proses pengajaran tidak dapat dipastikan tanpa proses penilaian oleh guru semasa dan selepas pengajaran berlaku. Penilaian dilaksanakan berperanan untuk:

1. Mengesan perkembangan penguasaan murid dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran untuk merancang aktiviti pengayaan dan pemulihan
2. Mengetahui keberkesanan pengajaran guru supaya membolehkan guru memperbaiki pengajaran selanjutnya
3. Mengambil tindakan susulan untuk mengatasi kelemahan & meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran
4. Meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Penambahbaikan perlu dilakukan oleh guru setelah melaksanakan penilaian dan pengukuran. Pendekatan Pengajaran Masteri contohnya amat menekankan bahawa guru perlu memastikan murid telah dapat menguasai sesuatu kemahiran sebelum kemahiran yang baru disampaikan.

Penambahbaikan berbentuk pemulihan, pengayaan dan penilaian semula kesemua elemen-elemen yang terlibat semasa merancang dan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku perlu diambilkira oleh seorang guru yang proaktif dan berkesan

Setelah guru selesai menyempurnakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu memperuntukkan masa membuat refleksi terhadap pelaksanaan pengajarannya. Langkah ini adalah penting untuk mengkaji keberkesanan pengajaran guru dalam aspek pemilihan strategi pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, maklumat dan sumber pengajaran, tahap pencapaian murid dan keberkesanan komunikasi guru-murid.

4.4. Analisis SWOT

Analisis SWOT merupakan suatu proses yang digunakan untuk perancangan strategi dalam menguruskan teknik untuk membantu seseorang individu mahupun suatu organisasi dalam mengukur dan mengenal pasti setiap kekuatan (strength), kelemahan (weakness), peluang (opportunity) dan ancaman (threat) yang berkaitan dengan perancangan sesuatu perkara. Cara ini juga digunakan untuk mempertimbangkan semua aspek termasuk faktor luaran dan dalaman dalam penyusunan strategi yang efektif.

Jadual 1. Analisis SWOT

Kekuatan (Strength)	Kelemahan (Weakness)
- Proses pengajaran dan pembelajaran lebih teratur dan berstruktur. - Guru-guru dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. - Masalah disiplin pelajar dapat dikurangkan.	- Terbatas kerana mengikut apa yang telah dirancang. - Masalah yang timbul melibatkan rancangan yang tidak dapat dilaksanakan.
Peluang (Opportunity)	Ancaman (Threat)
- Dapat menarik minat dan meningkatkan penglibatan pelajar. - Menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. - Pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan aktif.	- Murid tidak menyiapkan kerja yang diberikan oleh guru. - Kehadiran murid kurang memberangsangkan. - Pembelajaran murid terjejas.

4.4.1. Kekuatan

Pengurusan alam pembelajaran sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ilmu daripada pengurusan dan pembelajaran dapat membantu seorang guru dalam kerjaya sebagai seorang pendidik. Seorang guru akan menerapkan ilmu yang diperoleh dari pengurusan alam pembelajaran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran setiap hari. Misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti bertaraf dunia agar generasi yang dilahirkan nanti mampu bersaing dengan sengit dalam era globalisasi pada masa kini. Di sekolah, selain daripada tugas guru mengajar pelajar, guru juga memainkan peranan dalam membuat pengurusan dalam pelbagai aspek terutamanya aspek pengurusan bilik darjah. Dengan menghayati pengurusan alam pembelajaran guru dapat menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih teratur dan berstruktur.

Selain itu, kecekapan guru dalam menjalankan tugas sebagai pengurus akan mewujudkan emosi yang selesa, disiplin kelas yang baik dan keadaan bilik darjah yang kondusif dan sesuai bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Samsudin [5], Pengurusan bermaksud satu proses untuk mendapatkan penyertaan, kerjasama dari semua ahli dalam mencapai matlamat kumpulan. Manakala menurut Singh et al. [17], alam pembelajaran bermaksud keadaan atau suasana belajar yang dapat merangsang minat belajar kanak-kanak dalam mencapai matlamat perubahan tingkah laku ke arah positif. Lantaran itu, guru dapat membimbing murid mengikut isu permasalahan dan cara menyelesaikan masalah mengikut wajar setiap seorang murid. Tambahan pula guru dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan berkesan serta

dapat memahami cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh setiap murid semasa berada di sekolah dengan ini masalah disiplin pelajar dapat dikurangkan.

Setiap guru mempunyai objektif untuk dicapai, persediaan yang rapi akan membolehkan seorang guru menghadapi segala kemungkinan yang berlaku semasa proses pembelajaran dijalankan. Antara persediaan yang boleh dilakukan oleh guru, untuk menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran ialah menyediakan rancangan mengajar dan kepelbagaian kaedah mengajar. Guru perlulah menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran terlebih dahulu sebelum menjalankan proses pembelajaran. Dalam hal ini ciri-ciri seorang guru yang berkesan atau cemerlang ialah dapat menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran secara jelas dan teratur berdasarkan tahap pencapaian pelajar mereka. Semua sedia maklum bahawa, guru yang mengajar lebih mengetahui tahap kelemahan dan kelebihan pelajar mereka semasa di bilik darjah. Oleh itu objektif ini penting untuk dimaklumkan kepada pelajar supaya membolehkan mereka bersedia untuk menerima ilmu yang diajarkan oleh guru, dengan ini guru-guru dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

4.4.2. Kelemahan

Setiap kekuatan pasti ada kelemahannya. Seperti yang kita sedia maklum pengurusan alam pembelajaran merupakan sesuatu yang telah dirancang untuk mendapatkan penyertaan dan kerja sama dari semua ahli dalam mencapai matlamat kumpulan. Kelemahan yang dapat dikenal pasti daripada pengurusan alam pembelajaran adalah pengurusan ini terbatas kerana mengikut apa yang telah dirancang. Tidak dinafikan bahawa perancangan adalah benda yang terbaik untuk dilakukan tetapi kita perlu berwaspada dengan keadaan luar jangka yang tidak dapat dielakkan. Sebagai contoh untuk meningkatkan peratusan kehadiran pelajar ke sekolah adalah guru-guru perlu menyediakan keadaan yang kondusif dan suasana pembelajaran yang lebih menarik dengan bantuan alat bantu mengajar yang mudah difahami oleh para pelajar, tetapi sekiranya berlaku keadaan yang di luar jangkaan seperti pelajar tidak dapat datang ke sekolah kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar contohnya masalah daripada segi pengangkutan guru-guru tidak dapat melakukan apa-apa untuk Membantu pelajar tersebut sampai ke sekolah.

4.4.3. Peluang

Antara peluang yang boleh didapati daripada pengurusan alam pembelajaran adalah dapat menarik minat dan meningkatkan penglibatan pelajar. Pelbagai kaidah yang digunakan boleh oleh guru untuk menarik minat dan meningkatkan pelibatan pelajar adalah dengan cara pemberian reward kepada pelajar. Dengan adanya pemberian reward ini, pelajar akan lebih bersemangat untuk datang ke sekolah dan menyiapkan kerja-kerja yang telah diberikan oleh guru, setiap pelajar akan bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan reward yang diberikan oleh guru. Lantaran itu, murid tidak akan merasa bosan dengan proses pengajaran dan pembelajaran dan akan lebih rajin datang ke sekolah. Sebagai contoh reward yang boleh diberikan kepada pelajar adalah dalam bentuk verbal, iaitu bentuk penghargaan. Reward verbal digunakan dengan kata-kata yang membuat pelajar merasa puas dengan senang seperti “wah, hebatnya kamu!”, “Anak pintar”, ”jawabannya tepat, hebat“ dan lainnya.

Seterusnya adalah menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Dalam hal ini guru-guru berinisiatif menggunakan alat bantu mengajar yang mudah difahami dan bersesuaian dengan kemampuan pelajar. Alat bantu mengajar ini membantu meningkatkan penglibatan pelajar sebanyak 25% semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Alat bantu mengajar bertindak sebagai perangsang dan fasilitator kepada pelajar dan memberi kesan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran mengalami perubahan itu daripada “berpusatkan murid” kepada ”berpusatkan pelajar”. Dengan adanya alat bantu mengajar ini proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dapat dilaksanakan secara tidak langsung penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan aktif.

4.4.4. Ancaman

Dalam melaksanakan pengurusan alam pembelajaran di kawasan kajian terdapat tiga ancaman utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara ancaman yang dihadapi oleh guru adalah murid-murid tidak menyiapkan kerja yang diberikan oleh guru. Setelah diteliti hal ini berpunca daripada tiga aspek utama iaitu diri sendiri, rakan sebaya, dan keluarga. Hal ini kerana, kurangnya kesedaran dan minat pelajar untuk belajar. Selain itu, pengaruh rakan sebaya juga turut memainkan peranan yang kuat dalam mempengaruhi pelajar lain untuk tidak menyiapkan kerja rumah. Sebagai contoh, murid terpengaruh dengan rakan yang tidak menyiapkan kerja rumahnya

dan tidak mendapat apa-apa hukuman dari guru. Tambahan pula kurangnya perhatian dari ibu bapa pelajar untuk memeriksa kerja-kerja dan pelajaran apa yang telah anak mereka pelajari.

Kehadiran murid kurang memberangsangkan. Terdapat beberapa punca berlakunya kes ponteng sekolah antaranya adalah, murid kurang berminat terhadap pengajaran dan pelajaran di sekolah. Keadaan ini mungkin berpunca daripada isi kandungan sukatan pelajaran yang banyak memberikan tumpuan kepada mata pelajaran yang memerlukan pelajar menghafal seperti mata pelajaran matematik Sains dan sebagainya. Tambahan pula, pelajar kurang berminat terhadap sekolah kerana mereka mungkin tidak mampu untuk mengikuti pelajaran dengan sempurna kerana ketinggalan akibat kelemahan diri mereka sendiri. Murid-murid ini datang ke sekolah semata mata kerana menurut ke hendak ibu bapa. Oleh itu mereka kerap ponteng kerana telah hilang minat untuk belajar akibat tidak dapat memberikan saingan kepada rakan-rakan yang lebih cerdas.

Pelajar kurang memberi tumpuan ketika berada di dalam kelas. Perkara ini terjadi kerana pelajar lebih tertumpu kepada benda lain seperti permainan dan hal-hal yang menyeronokkan. Berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh James [18] yang menyatakan tumpuan itu adalah terhad kerana manusia hanya mampu tertumpu pada satu perkara dalam satu masa. Antara faktor lain yang menyebabkan pelajar kurang memberi tumpuan di dalam kelas adalah kepenatan atau rasa mengantuk di dalam kelas. Hal ini kerana, terdapat segelintir pelajar yang menggunakan masa rehatnya untuk bermain dan bersuka ria. Tambahan pula, terdapat pelajar yang bersekolah pagi dan petang iaitu pagi bersekolah di sekolah Agama dan petang bersekolah di sekolah kebangsaan. Oleh itu jika badan pelajar tersebut terlalu penat atau tidak cukup rehat dan tidur maka mereka tidak dapat memberikan perhatian dan fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

5. Rumusan

Secara keseluruhannya, pengurusan alam pembelajaran yang mantap dan efektif adalah merupakan kunci utama dalam keberhasilan suatu pengajaran dan pembelajaran. Setiap langkah yang diambil memerlukan perancangan yang strategik terlebih dahulu untuk memudahkan keberhasilan objektif pengajaran dan pembelajaran dicapai. Langkah-langkah yang dilaksanakan ini perlulah dipantau dan dinilai dari semasa ke semasa untuk mengetahui tahap pencapaian dan keberhasilan sesuatu perancangan. Bukan itu sahaja, guru perlulah menitikberatkan aspek pengurusan alam pembelajaran supaya minat setiap murid dapat dipupuk dengan lebih berkesan di samping dapat memastikan guru dapat menyampaikan maklumat kepada murid-murid dengan lebih lancar sekaligus guru juga dapat meningkatkan pencapaian setiap murid. Justeru itu, pengurusan alam pembelajaran ini merangkumi segala persediaan yang perlu dilakukan oleh guru supaya dapat menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid dan memenuhi aspek pengurusan alam pembelajaran yang kondusif.

Rujukan

- [1] Puan Aldrin, in a personal interview, Pn. Aldrin, explained "Pengurusan alam dapat merangsang minat belajar kanak-kanak dalam mencapai matlamat", June 2022.
- [2] F. Mahadi, M. R. Husin, and N. Md Hassan, "Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori atau Kinestetik", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 29-36, Apr. 2022.
- [3] N. Abdul Rahim, N. A. Meor Fadzir, N. A. H. Zaimal, F. F. Arias Yahaya, Z. I. Zainol, and M. R. Husin, "Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 57-66, Aug. 2021.
- [4] M. Farhan, "Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 1, pp. 1-10, Jun. 2020.
- [5] H. A. Samsudin, "Peningkatan Permintaan dan Kenaikan Harga Emas: Analisis Faktor dan Penerokaan Sumber Baharu," *Journal of Business Management and Accounting*, vol. 5, no. 13-36, 2015.
- [6] D. Wall, A. Richard, N. Qasim and L. Carr, "Evolution of mechanical heart valves," *The Annals of Thoracic Surgery*, vol. 69, no. 5, pp. 1612-1621, 2000.
- [7] N. Md Hassan, "Perspektif Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Pelajar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 50-56, Aug. 2021.

- [8] N. Laili, S. E. Purwanto, and F. Alyani, "Pengaruh Model Penemuan Terbimbing Berbantu LKPD terhadap Kemampuan Pemahaman Konsep Matematis Siswa SMPN 6 Depok", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 14 - 37, Jun. 2019.
- [9] N. F. Mat Daud, N. A. S. Mat Yusoff, N. H. Mohd Azmi, S. Z. K. Mohd Asri, N. Z. Manisha Zaidi, and M. R. Husin, "Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 67-79, Aug. 2021.
- [10] N. Md Hassan, M. R. Husin, H. Ahmad, and F. H. Yahya, "Ciri Khas Gaya Pembelajaran Elemen Persekitaran dan Elemen Fisiologi Murid Lemah untuk Belajar dan Memproses Maklumat Baru", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 119-127, Dec. 2021.
- [11] P. Perumal, M. R. Husin, and S. Nachiappan, "Analisis Gaya Kognisi dan Afeksi Murid dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 4, no. 1, pp. 22-28, Apr. 2022.
- [12] K. P. Malaysia, Surat pekeliling Ikhtisas. *Pendidikan Jasmani*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah, 1999.
- [13] R. A. K. Mohamed, A. H. Ali, and M. Nasir, "Aplikasi Ranah Kognitif Anderson & Krahthwohl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pantun di Sekolah Dasar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 3, pp. 110-118, Dec. 2021.
- [14] N. S. Hanim, "Pelajar Berkecerdasan Tinggi dalam Kalangan Pelajar Kelas Rancangan Khas", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 1 - 13, Jun. 2019.
- [15] R. Zahri, *Reka Bentuk Modul Latihan Perkembangan Profesional Guru Dalam Persekitaran Pembelajaran Maya/Zahri Ramlan Doctoral Dissertation*. University of Malaya: Kuala Lumpur, 2017.
- [16] M. A. Omardin. *Persekitaran Sekolah Sihat Dan Selamat*. Universiti Malaysia: Pahang, 2016.
- [17] R. Singh, S. Y. Lee, N. Vijay, P. Sharma, N. Uedo, "Update on Narrow Band Imaging in Disorders of the Upper Gastrointestinal Tract," *Digestive Endoscopy*, vol. 26, no. 2, pp. 144-153, 2014.
- [18] J. A. James. Eng. *Pengurusan Bilik Darjah: Strategi-Strategi Mewujudkan Komuniti Pembelajaran*. Kuala Lumpur: BS Print (M) Sdn. Bhd, 2014.